

M0001/07

Perbilangan Pusaka Adat 7

Itu adalah antara puluhan yang tiba dalam masa seminggu
dari

Oleh **NORZALI HAJI IBRAHIM**

Perlantikan penyandang pusaka baru dalam masyarakat Adat Perpatih sangatlah penting, kerana penyandang pusaka tersebut merupakan ketua atau pemimpin utama dalam masyarakat tersebut. Penyandang pusaka yang tertinggi adalah Undang, Tiang Balai, Lembaga, Buapak, Besar, Juan dan Hulubalang. Bila berlaku kematian atau pemecatan ke atas penyandang pusaka sedia ada, penyandang pusaka yang baru atau penggantinya hendaklah segera dilantik. Bagi tujuan tersebut satu kerapatan adat akan diadakan untuk mencari bakal penyandang yang baru dalam perut yang terlibat sahaja.

Pada hari nan sehari ni,
Pada malam nan semalam ni,
Hadirlah semuanya,
Baik tempat semenda nan seadat,
Orang semenda nan seresam,
Kok kecil ada,
Kok besar pun ada,
Kok tua ada,
Kok muda pun ada.

Perbilangan di atas merupakan mukadimah menyambut kehadiran semua anak buah dan ahli masyarakat semasa menghadiri kerapatan adat. Mukadimah tersebut dibaca dalam kebanyakan kerapatan, sama ada untuk mendirikan adat, mengadakan mufakat untuk kenduri-kendara, nikah-kahwin dan sebagainya. Secara terus dan langsung semua pihak disebut dan disambut kehadiran mereka.

Namun,
Cubalah ditengok kiri dan kanan,
Depan dan belakang,
Kok ada yang cicir,

Kok ada yang hilang.
Yang jauh dah dijemput,
Yang dekat dah dikampungkan,
Kok keruh dah dijernihkan,
Kok kusut dah diusaikan,
Kok hilang dah dicari,
Kok cicir dah dipungut,
Kok patah dah pun tumbuh.

Dalam pada itu diingatkan juga kepada mereka yang hadir agar memastikan semua sanak-saudara, kadim-kadeh, jauh dan dekat telah berkempul. Sekiranya tertinggal atau tercicir eloklah dijemput dan dicari. Dinyatakan juga semua perselisihan dan pertelingkahan telah pun diselesai dan didamaikan. Dalam masyarakat ini kedamaian dan keharmonian sangatlah diutamakan, kerana corak kehidupan mereka lebih kepada mufakat dan mencapai sesuatu keputusan secara kebulatan suara.

Kalau begitu,
Pulai berpangkat naik,
Mendapat ruas dengan buku,
Maka ditengok kek manusia:
Berjinjang naik,
Bertangga turun;
Membincang adat dengan pusaka.
Bulat air dek pembedong,
Bulat kata dek muafakat.
Dek kata sepakat,
Biar mati anak,
Jangan mati adat,
Dalam suku nan dua belas.

Masyarakat Adat Perpatih begitu teguh dengan status kepimpinan mereka. Penyandang pusaka begitu dihormati dan disanjung sebagai

Warisan



pemimpin. Tersirat dalam perbilangannya tersebut bahawa segala perundingan mestilah bermula daripada bawah membawa ke atas dan bukan daripada atas membawa ke bawah. Tidak boleh melanggar kehendak alam, sekiranya berlaku adalah dipercayai majlis atau kerapatan tersebut tidak akan mendapat kebulatan dan adalah kecacatan akan berlaku. Kata sepakat di sini menjurus kepada kebulatan pendapat dan pandangan. Tidak ada bantahan walaupun seorang daripada ahli yang hadir. Kemufakatan dan kebulatan kata penting kerana di sinilah terletak kata pemutus. Biar mati anak, jangan mati adat memperingatkan masyarakat agar peraturan yang telah ditentu dan ditetapkan mestilah diikuti dengan tulus dan amanah dalam suku dua belas yang sedia ada.

Turun istana menjunjung titah,
Turun balai menjunjung sabda,
Turun telapak membawa sembah.
Raja berkerjaan lembaga,

Menghadap undang bernobat;
Berempat di baruh,
Berlima bersuku di darat,
Dalam sembilan tua tiga,
Lembaganya satu.

Masyarakat sentiasa diingatkan bahawa bila sesuatu yang turun dari istana biasanya merupakan titah, yang datang daripada balai merupakan sabda undang dan yang datang daripada telapak merupakan sembah. Raja dinobat dan undang dikerjankan oleh lembaga yang terdiri daripada lapan Tiang Balai. Berempat di baruh terdiri daripada: Datuk Seri Maharaja, Datuk Sinda Pahlawan, Datuk Mandelika, dan Datuk Andika. Berlima bersuku di darat terdiri daripada Datuk Ngiang, Datuk Maharaja Jinda, Datuk Sate, Datuk Sutan Bendahara, dan Datuk Dagang. Kemudian terdapat dalam sembilan tuanya tiga orang terdiri daripada Datuk Ngiang, Datuk Maharaja Jinda dan Datuk Sate. Lembaganya satu atau seorang itu adalah Datuk Mandelika. ██████████